

Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation

Nurul Asykin Mahmood
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: asykinmahmood@gmail.com

Muhammad Hakimi Mohd Shafiai
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: hakimi@ukm.my

ABSTRAK

Malaysia sedang rancak mengorak langkah bagi merealisasikan Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Usaha tersebut tidak hanya tertumpu kepada aspek fizikal malah meliputi aspek kerohanian. Selepas kejayaan penubuhan Tabung Haji sebagai organisasi pengurusan bakal jemaah haji yang paling efisien di dunia, Malaysia meneruskan usaha dengan melakukan transformasi yang membawa kepada perbankan dan kewangan Islam. Sejar dengan perubahan arus kemodenan, berlaku penambahbaikan ke atas beberapa elemen pelaksanaan ibadah fardu kifayah misalnya wakaf. Kemajuan ini memberi implikasi positif kepada perkembangan wakaf yang membawa kepada pelaksanaan wakaf korporat. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpastikeunikan pelaksanaan waqaf korporat yang merupakan inovasi wakaf gaya terkini. Tumpuan juga diberi kepada produktiviti wakaf dan seterusnya membawa kepada potensi pemilikan dan perkembangan ekuiti Muslim di Malaysia. Pengkaedahan kajian adalah menerusi kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada artikel dan laporan tahunan JCorp dan Wakaf An- Nur Corporation (WANCorp) selain temubual bersama pihak MAIJ dan WANCorp. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha inovasi wakaf ini membawa masalah yang besar bukan sahaja dalam usaha memperbaiki ekonomi ummah malah ekuiti kekal dimiliki oleh masyarakat Muslim. Kecemerlangan usaha ini diakui dan turut berjaya menarik perhatian pelbagai pihak untuk turut terlibat memajukan amalan wakaf. Syarikat swasta, badan korporat termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di harap dapat merangka strategi penambahbaikan perniagaan dengan melibatkan elemen kerohanian. Pelaksanaan waqaf korporat berpotensi meningkatkan pemilikan ekuiti Muslim, seterusnya membantu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan harta wakaf sedia ada dan kemudian perubahan positif kepada ekonomi negara berlaku. Hal ini secara tidak langsung merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang bersifat komprehensif dan relevan di dalam arus kemodenan.

Kata Kunci: waqaf korporat, ekuiti, Johor Corporation, Wakaf An- Nur Corporation

ABSTRACT

Malaysia is progressing rapidly in order to materialize Vision 2020 to be a developed country with our own mold. Efforts towards the developed countries are not only focused on the physical aspect but also covering some aspects of spirituality. After the successful of Tabung Haji pilgrimages fund among Islamic nation, Malaysia ahead with its transformation to Islamic banking and finance. In line with the modern trend of changes, enhancements occur on some elements of the implementation of compulsory worship such as waqf (endowment). The positive implications and progresses on the development of waqf endowment led to the implementation of the corporate waqf. According this study aims to identify the uniqueness of the implementation of corporate endowment a the current innovation endowment practice. By taking Johor Corporation Berhad (JCorp) as a case study also focusing on the practices of corporate waqf which is impacting to the equity holding among Muslims. This research only employed descriptive methodology by refereing resources from library as well as annual reports from JCorp An-

Nur Corporation (WANCorp). It was found that the corporate waqf has brought a great masalah in order to improve the economy of the ummah and, at the same time, preserving the equity of Muslim in the corporate sector. Corporate waqf is not only recognized as a major tool to preserve Muslim equity but it can be an attraction to other corporate entities to creating their own corporate waqf. In addition, private companies, corporate bodies, including government-linked companies (GLCs) are expected to change business strategies towards the implementation of the next corporate endowment potential to solving the problems related to existing waqf and eventually contributing to the economic development. This is also shows that Islam is a practical religion which is suit with any circumstances as well as for any period of times.

Keywords: corporate waqaf, equity, Johor Corporation, Waqaf An- Nur Corporation

PENGENALAN

Tarikh 28 Februari 1991 merupakan permulaan langkah sebuah impian menjadi negara industri dan maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Konsep Wawasan 2020 dibentangkan sendiri oleh Perdana Menteri ketika itu YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Wawasan 2020 merupakan suatu wawasan strategik perancangan jangka masa panjang selama 30 tahun meliputi pelbagai aspek berkaitan dengan pembangunan negara dalam hubungan dengan perkembangan ekonomi dunia keseluruhannya. Wawasan ini dijadikan garis panduan arah tujuan dan panduan sasaran negara menjadi sebuah negara maju sepenuhnya pada tahun 2020. Kemajuan yang dimaksudkan dilihat dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan sektor kebudayaan masyarakat.

Sepanjang hampir 23 tahun ini, pelbagai perubahan ekonomi dunia telah berlaku. Kelemahan sistem ekonomi menyebabkan kejatuhan ekonomi negara Eropah seperti Greece, Portugal, Ireland dan Spain. Masalah ini berpunca daripada bentuk ekonomi kapitalis yang mengandungi elemen ketidakadilan dan penindasan. Justeru itu, Malaysia wajar mereka bentuk ekonomi mengikut acuan sendiri bagi mencapai status negara maju yang mampan. Menyedari hal ini, kajian giat dijalankan dan pembentukan strategi dibuat dan mula membawa sinar kejayaan. Usaha dan tindakan Malaysia sepanjang menuju Wawasan 2020 telah menunjukkan hasil iaitu Malaysia diiktiraf sebagai hab kewangan dan perbankan Islam antarabangsa. Instrumen lain yang turut berpotensi ialah waqaf korporat. Sejarah membuktikan institusi wakaf bertindak sebagai sumber pembiayaan dan menyumbang dalam pembangunan sosioekonomi ketika zaman pemerintahan Khalifah Othmaniah. Menerusi sumbangan wakaf, keperluan asas dan pembangunan infrastruktur masyarakat Muslim khususnya dan bukan Islam amnya dapat dibantu.

Menyedari potensi dan peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi negara, kerajaan mula mengorak langkah dengan melakukan penambahbaikan dan pembaharuan. Hal ini adalah sangat wajar memandangkan peruntukan undang-undang yang berbeza di setiap negari. Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 sebagai agensi peringkat persekutuan dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) pada 23 Julai 2008 pula bertujuan untuk menangani masalah-masalah khususnya berkaitan wakaf menerusi pentadbiran yang profesional dan selaras dengan tuntutan masa kini. JAWHAR dan YWM mewakili kerajaan pusat manakala pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) pula mewakili kerajaan negeri perlu berganding bahu dalam memastikan tanah-tanah wakaf khasnya dapat dimanfaatkan secara optima untuk kepentingan ummah. Selain itu, kerajaan juga telah memberi peruntukan khas dalam Rancangan Malaysia untuk pembangunan institusi wakaf sedia ada yang dijangka mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi (Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed 2011).

Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), tumpuan diberi kepada program pembangunan hartanah wakaf. Peruntukan yang diberi adalah sebagai pembiayaan bagi projek-projek pembangunan di atas tanah wakaf milik MAIN. Pihak JAWHAR dipertanggungjawabkan sebagai pemegang amanah dana manakala MAIN sebagai pemegang amanah tunggal. Jumlah peruntukan adalah berdasarkan kepada bilangan dan jenis projek yang dirancang. Sebanyak RM256.5 juta diperuntukkan untuk tujuan pembangunan 23 projek melibatkan 19 projek fizikal dengan perbelanjaan RM244.0 juta dan 4 projek bukan fizikal sebanyak RM12.5 juta. YWM pula berperanan melengkapkan pentadbiran tanah wakaf di Malaysia. Nilai sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan sebagai geran pelancaran kerajaan terhadap YWM untuk pembangunan projek entiti wakaf kebangsaan. Selain itu, RM1.5 juta pula diperuntukkan untuk program gerakan pemantapan Baitulmal. Peruntukan ini menggalakkan pembangunan sistem e-wakaf selaras dengan perkembangan teknologi maklumat bagi memudahkan pengurusan dan pembangunan harta wakaf dalam kalangan masyarakat.

Menerusi RMK-10, sebanyak 68 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal dirancang di atas tanah wakaf dengan peruntukan sebanyak RM1 896.75 juta sebagaimana permohonan MAIN. Perkembangan positif ini meyakinkan kerajaan untuk memperuntukkan RM20 juta dalam bajet 2010 kepada YWM untuk program yang dapat mengurangkan jurang kemiskinan melalui pembinaan 66 unit Bazar Wakaf Mart dan 3 unit Bazar Rakyat. Bukan sahaja taraf hidup peniaga meningkat seperti pendapatan isi rumah dan pendapatan isi rumah malah peluang perniagaan turut bertambah (Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed 2011). Sokongan kerajaan terbukti lagi pada Bajet 2013, apabila mengamanahkan YWM merangka pelan induk waqaf korporat dengan merujuk kepada struktur perundangan setiap MAIN setelah kecemerlangan waqaf korporat. Pada jangka panjang, pelan induk ini diharap menjadi platform pembangunan wakaf yang membawa kepada menjamin kepemilikan ekuiti Muslim di Malaysia dan seterusnya menambah baik sistem ekonomi sedia ada.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan kaedah analisis eksploratori. Peringkat pertama dimulakan dengan pengumpulan maklumat menerusi kajian perpustakaan yang merangkumi hasil rujukan daripada jurnal, tesis, buku, laporan tahunan syarikat, kertas kerja seminar, laman sesawang dan artikel majalah termasuklah keratan akhbar media tempatan. Peringkat kedua pula, sesi temubual bersama pihak MAIJ dan WANCorp dibuat bagi mendapatkan penjelasan tertentu. Hasilnya, keseluruhan maklumat dianalisis dan penilaian berbentuk eksploratori dibuat bagi menyusun dan mempersembahkan hasil kajian bagi memenuhi objektif yang telah dinyatakan.

TINJAUAN LITERATUR

Melalui pemerhatian yang dibuat, terdapat beberapa kajian dan penulisan yang berkaitan dengan apa yang ingin dikaji. Walaubagaimanapun, tidak semua dapatan seperti tajuk dan kandungan yang dikaji merujuk khusus kepada perkara wakaf korporat. Kepelembagaan ini dilakukan bagi memenuhi tuntutan kajian yang melibatkan pelbagai elemen seperti waqaf korporat khususnya dan wakaf itu sendiri selain saham yang merupakan harta wakaf. Antara kajian-kajian terdahulu adalah seperti berikut:

Golongan ulama dan professional perlu berpadu usaha bagi memastikan objektif memaksimumkan potensi tanah wakaf. Kerjasama ini perlu dalam merangka program dan kaedah yang inovatif selain sesuai dengan cabaran semasa dan keperluan masyarakat. Hasilnya, peningkatan kualiti dan potensi pembangunan wakaf terutamanya dalam menyelesaikan masalah tanah wakaf. (Hasnol Zam Zam Ahmad 2007). Kerjasama di antara JCorp dan MAIJ membawa kepada kecemerlangan amalan wakaf. Harta yang diwakafkan oleh pihak JCorp ialah beberapa unit saham anak syarikatnya. Ab Rahman Ismail (2007) dalam kajiannya yang bertajuk Aplikasi Kaedah Fiqh Ma La Yudrak Kulluh La Yutrak Julluh Dalam Mengklasifikasikan Saham- Saham Patuh Syariah Di Bursa Saham menyatakan bahawa saham merupakan instrumen tumpuan kebanyakan syarikat bagi tujuan untuk memperoleh dana tanpa faedah dalam usaha untuk mengembangkan aktiviti dan menampung kos operasi syarikat. Hal ini telah menjadi gaya pilihan utama dalam sistem ekonomi campuran. Umumnya, aktiviti jual beli saham mampu mendatangkan keuntungan dan membawa kesan besar terhadap pertumbuhan dan kemajuan negara. Selaras dengan ini, terbukti bahawa tindakan Johor Corporation yang mengambil langkah mewakafkan sebahagian saham anak syarikat adalah tindakan wajar dan proaktif seiring dengan peredaran masa dan keperluan.

Che Zuina Ismail (2005) di dalam penulisannya bertajuk konsep dan amalan wakaf menurut Islam membincangkan usaha meningkatkan jumlah dana daripada pelbagai sumber dan memperluaskan wakaf kontemporari yang mampu memantapkan lagi amalan wakaf. Hal ini bagi memastikan objektif wakaf terhadap aspek ekonomi, taraf sosial dan tahap pendidikan meningkat. Seajar dengan usaha ini, anjakan paradigma dalam hal ehwal tadbir urus amalan wakaf perlu dilakukan dengan mengambil contoh Majlis Ugama Islam Singapura dan pentadbiran wakaf negara Mesir (Abdul Halim Ramli 2005). Sumbangan wakaf dan pelaksanaan projek perlu dimantapkan menerusi pentadbiran dan pengurusan yang berstruktur, tersusun dan sistematik sesuai dengan keadaan semasa (Nik Mustapha Haji Nik Hassan 1999; Nik Mohd Zain Haji Mohad Yusof & Azimuddin Bahari 1999 dan Kamarulzaman Sulaiman 2005). Implikasinya masalah pembangunan hartanah wakaf misalnya dapat diselesaikan.

Sepanjang penelitian kajian, masih belum banyak kajian yang membincangkan perihal waqaf korporat secara khusus. Setakat ini, kajian kebanyakannya hanya dibuat oleh penyelidik di Malaysia. Hal ini sejajar dengan kedudukan waqaf korporat sebagai satu bentuk inovasi wakaf yang

baru. Kajian yang dibuat masih diperingkat pengenalan yang meninjau pelaksanaan pembangunan waqaf korporat dalam memenuhi matlamat amalan wakaf dalam Islam (Haji Abdul Shukor bin Borham 2011). Perkara yang hampir sama turut dikaji oleh Mohd Ali Muhamad Don (2011) tetapi penumpuan mengkhusus kepada isu yang menjadi pertikaian iaitu amalan waqaf korporat sebagai helah pembayaran cukai, harta wakaf masih di bawah pegangan JCorp dan manfaat wakaf digunakan semula untuk kepentingan syarikat. Kesannya, dirumuskan bahawa amalan wakaf perlu dipromosikan bagi memberi kesedaran tentang kepentingan wakaf sebagai medium pemacu ekonomi. Melihat kepada sudut sumbangan pula, JCorp bukan sahaja berperanan sebagai pelopor kepada syarikat korporat lain terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam penglibatan amalan wakaf bahkan memberi idea penyelesaian masalah berhubung dengan permasalahan pengurusan dan pembangunan wakaf di Malaysia (Haji Abdul Shukor bin Borham; Dahlia Ibrahim dan Haslinda Ibrahim 2013). Institusi amanah korporat merujuk kepada WANCorp yang mentadbir urus waqaf korporat merupakan satu pembaharuan dalam sistem wakaf dan perlu dicontohi oleh MAIN. Aini Nazura Paiman et al. (2006) menjalankan kajian khusus berhubung dengan sumbangan klinik Waqaf An-Nur iaitu sebelum pelaksanaan waqaf korporat. Dapatkan mendapati pesakit yang mendapatkan rawatan amat berpuas hati dengan mutu dan layanan yang diberikan.

Jika merujuk kepada dapatan kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa masih tiada kajian yang menghubungkan amalan wakaf terhadap pemilikan ekuiti. Justeru itu, adalah perlu dijalankan kajian lebih mendalam dan lebih fokus berhubung hal tersebut terutamanya kepada pengaplikasian wakaf kontemporari. Hal ini bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah kewangan dan kelemahan tadbir urus institusi wakaf bahkan berupaya mengembalikan semula peranan wakaf yang sebenar dalam sosioekonomi masyarakat.

WAKAF DALAM PERUNDANGAN ISLAM: KONSEP, SEJARAH, RUKUN DAN SYARAT

Sesungguhnya Islam adalah suatu agama yang sempurna yang mana telah tersedia sebuah sistem kehidupan yang menjadi amalan relevan dan praktikal sepanjang zaman. Sistem ini adalah rekaan Maha Pencipta yang sememangnya lebih mengetahui keperluan hamba-Nya. Menerusi sistem ini, umat manusia diajar dan dididik jiwanya dengan kaedah yang betul dalam membelanjakan harta dan menganjurkan perbelanjaan ke jalan yang benar dan sentiasa bersedekah (Lutpi Mustafa el-Batnani 2009). Pendekatan Islam dijangka mampu menyediakan penyelesaian terbaik dalam mengatasi situasi ekonomi yang tidak menentu hari ini. Kekuatan semangat *ta'awun* dalam mengemblem dana wakaf misalnya berupaya membebaskan umat Islam daripada masalah kemiskinan, kemundura dan perpecahan (Kongres Ekonomi Islam Ketiga 2009). Wakaf tergolong dalam bentuk pemberian ikhlas harta yang dimiliki untuk keperluan dan kesejahteraan masyarakat di samping mengharap balasan berganda di akhirat nanti. Hukum asal bagi wakaf seperti mana yang disepakati oleh jumhur ulama fiqh seperti Shafie, Maliki dan Hambali adalah harus namun akan berubah kepada wajib apabila berlaku tiga perkara. Setiap orang Islam sama ada kaya mahupun miskin amat digalakkan untuk berwakaf. Amalan ini dapat memberi pahala secara kekal dan berpanjangan kepada pewakaf walaupun setelah kematiannya selagi mana harta yang diwakafkan dapat dimanfaatkan oleh penerimanya. Selain itu, wakaf juga telah diakui sebagai mekanisme penjana, perpindahan dan pengagihan kekayaan dalam masyarakat Islam (Ahmad Zaki Hj. Abdul Latiff et al. 2005).

Kajian mendapati bahawa tidak terdapat sebarang ayat al-Quran yang menyebut secara spesifik hal berhubung dengan wakaf. Namun begitu, terdapat beberapa ayat al-Quran yang memerintahkan manusia untuk berbuat baik bagi kepentingan masyarakat secara jelas adalah landasan dan dasar umum kepada perkembangan wakaf. Antaranya ialah surah al-Imran ayat 92:-

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Anas r.a meriwayatkan bahawa sebaik mendengar ayat di atas, Abu Talhah telah meminta penjelasan lanjut daripada Rasulullah s.a.w tentang maksud ayat tersebut baginda menjelaskan bahawa antara sedekah harta yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah ibadah wakaf (Mustafa al-Khind, al-Fiqh al-Manhajy, 2:229-230 dalam Sazura Bohari 2004). Sementara itu, Al-Rafi'i salah seorang pengikut

mazhab Shafie juga mentafsirkan maksud kebajikan dalam ayat di atas adalah wakaf, iaitu satu-satunya ibadah dikategorikan sebagai sedekah jariah kerana kebajikan yang diperolehi oleh pewakaf adalah ganjaran pahala berterusan selagi harta tersebut dimanfaatkan untuk kebajikan walaupun pewakaf telah meninggal dunia (Sohih Muslim, Kitab Wasiat. Bab Wakaf, 1631 dalam Sazura Bohari 2004).

Namun begitu, tuntutan mengorbankan harta melalui amalan wakaf telah disebut secara terang oleh Rasulullah s.a.w sebagai amal ibadat. Hal ini dapat dilihat pada sabda baginda dalam beberapa hadis. Para ulama' berpendapat sedekah jariah dalam hadis adalah merujuk kepada amalan wakaf. (JAWHAR 2009). Abu Hurairah r.a melaporkan bahawa Rasulullah SAW bersabda,

“Apabila matinya seseorang anak Adam, maka terhentilah amalannya kecuali tiga perkara iaitu kebajikan yang berpanjangan (sedekah jariah), ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kesejahteraan untuknya”

(Riwayat Muslim)

Turut membawa makna yang sama ialah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik,

“Akan mengikut mayat si mati tiga perkara, dua akan pergi dan yang tinggal hanya satu, yang mengikut mayat si mati ialah keluarganya, hartanya dan amalannya, keluarga dan hartanya akan pergi meninggalkannya, maka yang kekal ialah amalannya sahaja”.

Wakaf dari sudut bahasa bermakna menahan, menegah, berhenti di tempatnya atau tetap dalam keadaan asal dengan merujuk asal perkataan tersebut daripada perkataan bahasa Arab iaitu bentuk *masdar* daripada kata kerja *waqafa* manakala kata jamak ialah *awqaf* atau *wuquf* (Norsiah & Farahdina 2009; Sanep Ahmad 2009). Wakaf dari sudut istilah pula jika menurut *jumhur* ulama iaitu golongan Shafie, golongan Hambali, Abu Yusuf dan Imam Muhammad adalah menahan sesuatu harta yang boleh dimanfaatkan hasilnya di samping ain fizikal harta tersebut kekal seterusnya memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf untuk digunakan bagi perkara yang diharuskan oleh syarak atau dengan menggunakan hasil daripada harta tersebut bagi tujuan kebajikan untuk mendekati diri kepada Allah (Sazura Bohari 2004, Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff 2008). Pelbagai definisi ditemui namun kesimpulan yang dapat dibuat tentang definisi wakaf adalah apa-apa harta milik pewakaf yang dipindahkan seterusnya mengakibatkan pembekuan atau pemegangan aset tersebut bertukar menjadi milik seseorang, kumpulan individu atau sesuatu institusi tertentu. Penyaluran manfaat harta berkenaan adalah untuk kegunaan pihak penerima manfaat (Che Zuina Ismail 2005, Norsiah & Farahdina 2009, Sanep Ahmad 2009).

Menurut sejarah perundangan Islam, Rasulullah s.a.w merupakan golongan yang terawal melaksanakan amalan ini dengan mewakafkan Masjid Quba' sebagai institusi pendidikan semasa hijrah baginda ke Madinah pada tahun 622 masihi. Enam bulan selepas itu, baginda mewakafkan pula Masjid Nabawi di Madinah. (Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff 2008). Ibn Sa'ad meriwayatkan sebuah hadis daripada Muhammad bin Ka'ab katanya, “Sedekah wakaf yang mula-mula dalam Islam ialah harta wakaf yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w selepas Mukhairiq mati syahid dalam peperangan Uhud. Beliau (Mukhairiq) telah berwasiat:

“Jika aku mendapat habuan (ghanimah perang), maka habuanku itu adalah untuk Rasulullah s.a.w” Maka Rasulullah s.a.w mengambil harta tersebut dan mewakafkannya”

(Riwayat Buhkari dan Muslim)

Perbuatan ini diikuti oleh para sahabat baginda dan dimulai oleh Saidina 'Umar al-Khattab r.a. apabila Rasulullah s.a.w mengesyorkan supaya 'Umar memegang aset tersebut dan memberi sedekah hasil pendapatannya. Daripada Ibnu 'Umar katanya: “Saidina 'Umar r.a telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Rasulullah s.a.w untuk minta nasihat baginda, “Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Belum pernah saya memperoleh harta yang lebih baik daripada ini” Baginda bersabda, “Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (iaitu wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya.” Lalu 'Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. 'Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hambanya juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang menguruskannya boleh

makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya”

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kepelbagaian bentuk wakaf menunjukkan tentang kemajuan dan perkembangan institusi wakaf dalam menyebarkan peranan wakaf sebagaimana semasa zaman pemerintahan Khalifah Othmaniah. Faktor penting yang mesti diberi perhatian bagi memastikan asas dan konsep wakaf tetap asli adalah rukun wakaf dan syarat kepada rukun tersebut. Amalan wakaf menjadi tidak sah jika rukun wakaf dan syarat- syaratnya diabaikan. Oleh yang demikian, selagi mana garis panduan ini diikuti, maka pelaksanaannya wakaf dalam pelbagai bentuk tidak boleh dipertikaikan. Empat rukun wakaf ialah pewakaf, harta yang diwakafkan, penerima wakaf dan *sighah*. Pewakaf ialah orang atau pihak yang berwakaf yang mungkin terdiri daripada individu, kumpulan, institusi, syarikat atau pemerintah. Harta yang diwakafkan pula adalah sesuatu benda yang bernilai dan memberi manfaat berpanjangan sama ada harta alih atau tidak alih. Penerima wakaf merujuk kepada pihak yang menggunakan manfaat daripada harta wakaf. *Sighah* adalah pernyataan tawaran dan penerimaan yang menzahirkan niat pewakaf.

Rukun wakaf yang ketiga perlu diberi perhatian dan dijadikan sebagai garis panduan sebelum proses menginovasi wakaf dibentuk. Tiga ciri- ciri asyiq yang disepakati oleh majoriti ulama ialah harta tersebut mesti sesuatu yang bersifat kekal. Penyerahan sukarela daripada pemilik asal untuk mewakafkan harta itu menyebabkan harta itu tidak boleh dijual. Kedua, penyerahan harta wakaf untuk diberi kepada orang lain seperti dihadiahkan atau diwarisi adalah dilarang. Ketiga, pemilik harta tidak dibenarkan menarik balik mahupun membatalkan hak pemilikan harta setelah keputusan untuk mewakafkannya diambil. Hal tersebut perlu untuk

Selain itu, syarat sah kepada harta wakaf terbahagi kepada dua kategori iaitu syarat harta sebelum diwakafkan dan syarat harta selepas diwakafkan. Menerusi pemerhatian yang dibuat, didapati terdapat khilaf pada syarat sah harta iaitu dari segi sifat fizikal harta tersebut (Baharuddin Sayin 2010). Ulama bagi mazhab Shafie dan Hambali mensyaratkan supaya harta wakaf mesti suatu yang bersifat kekal. Harta tersebut dikategorikan sebagai harta tidak alih seperti rumah dan tanah. Hikmah ke atas syarat ini ialah manfaat menerusi harta tersebut dapat digunakan untuk jangka masa yang panjang dari satu generasi ke generasi yang lain seterusnya menjamin perolehan pahala yang berlanjutan selagi mana kewujudan harta tersebut. Bagi ulama mazhab Maliki dan Hanafi pula, harta wakaf tidak semestinya sesuatu yang berbentuk kekal asalkan harta tersebut dapat memberi manfaat. Pewakaf di sini diberi kelonggaran untuk mewakafkan harta alih seperti wang tunai. Golongan inikutur mencadangkan supaya harta yang tidak kekal tersebut ditukar kepada harta berbentuk kekal bagi membolehkan penggunaan manfaat wakaf secara berpanjangan. Selain itu, harta wakaf disyaratkan supaya sesuatu yang bermanfaat di sisi hukum syarak. Spesifikasi berkenaan harta perlu dinyatakan merangkumi jenis, kadar, bilangan, keluasan atau sukatan untuk memudahkan urusan selanjutnya. Syarat utama ialah harta yang diwakafkan adalah milik sempurna pewakaf. Pada kategori kedua pula, harta yang telah diwakafkan sudah berpindah kepemilikan. Wujud tiga perbincangan tentang hak kepemilikan bagi harta wakaf samada harta wakaf menjadi milik Allah, milik pewakaf itu sendiri atau milik penerima wakaf. Namun begitu, sebarang transaksi jual, ambil balik atau dipecah bahagi tetap dilarang.

PELAKSANAAN WAQAF KORPORAT MEMBAWA KEPADA PEMILIKAN EKUITI MUSLIM

Aplikasi wakaf masa kini berbeza dengan zaman sebelumnya. Keadaan ini merupakan hikmah daripada ketidaksepakatan antara mazhab yang membawa kepada inovasi pelaksanaan wakaf sesuai dengan tuntutan semasa. Antara inovasi wakaf yang mendapat perhatian di peringkat antarabangsa ialah waqaf korporat yang dipelopori oleh JCorp. Prof. Murad Cizakca ketika Seminar Awqaf Antarabangsa 2008 menyifatkan pengurusan wakaf korporat sebagai yang terancang dalam amalan kewangan Islam masa kini. Merujuk kepada aspek rukun, JCorp melalui enam anak syarikatnya merupakan pewakaf dengan unit- unit saham dan sekuriti lain sebagai harta yang diwakafkan. Hal ini akan diperincikan pada amalan wakaf oleh Johor Corporation dan waqaf korporat suatu inovasi. Manakala, hal berkaitan dengan penerima wakaf didedahkan dalam bahagian peningkatan sosioekonomi penerima wakaf. Rukun terakhir iaitu *sighah* dibincangkan pada bahagian pemilikan dan perkembangan ekuiti Muslim. WANCorp pula merupakan institusi pemegang amanah (*mutawalli*) yang dilantik oleh MAIJ di atas kepastian pengurusan dan pentadbiran harta- harta wakaf oleh JCorp.

Pelaksanaan Waqaf Korporat Oleh Johor Corporation

JCorp merupakan salah satu peneraju perbadanan di Malaysia dengan memiliki 279 syarikat dan 7 syarikat awam tersenarai (PLC). Setakat Disember 2012, jumlah pasaran modal adalah RM 29.61 billion (US\$ 9.67 bilion). Kecemerlangan ini bermula apabila JCorp atau Perbadanan Johor pada asalnya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) diperbadankan pada 18 Mei 1968 di bawah enakmen Johor Corporation Bil.4, 1968 sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Enakmen tersebut meletakkan PKENJ sebagai agensi kerajaan dan pelaksana Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diberi amanah untuk membantu pihak kerajaan menerusi program-program yang dirancang untuk meluaskan penyertaan ekonomi kaum Bumiputera negeri Johor. Pada masa yang sama, perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN) di seluruh Malaysia direkabentuk sebagai syarikat pelaburan kerajaan negeri masing-masing. Asas kepada penubuhan PKEN adalah di atas rancangan kerajaan Malaysia dalam usaha menyusun kembali masyarakat berbilang kaum untuk membasmi ketidakseimbangan ekonomi. Selain itu, PKENJ juga bertanggungjawab membantu merealisasikan objektif yang dirangka dalam Dasar Pembangunan Negara (DPN). DPN adalah kesinambungan usaha DEB kepada penumpuan peningkatan penglibatan sektor swasta dalam prosos penyusunan semula masyarakat. Operasi syarikat hanya bermula pada 1 Ogos 1970 dengan wang pinjaman sebanyak RM 10 juta dari kerajaan negeri Johor.

Kemajuan dan kecemerlangan yang dicapai oleh JCorp membawa kepada kecemerlangan waqaf korporat menerusi WANCorp. Waqaf korporat merupakan inovasi wakaf gaya kontempori yang selari dengan perubahan zaman arus globalisasi. Wakaf alternatif moden ini bertujuan untuk mengembalikan kegemilangan instrumen wakaf yang pernah berperanan penting dalam masyarakat Islam pada sejarah lepas. Waqaf korporat dapat didefinisikan sebagai wakaf saham oleh institusi perniagaan dengan agihan manfaat bersumberkan dividen pelaburan saham di Bursa Malaysia dan keutugan tahunan syarikat. JCorp adalah institusi perniagaan korporat pertama seumpamanya di dunia yang telah menyerahkan sebahagian saham anak syarikat untuk diwakafkan bagi manfaat ummah (Laporan Tahunan 2006). Kaedah pelaksanaan wakaf korporat ini wujud dalam dua bentuk iaitu wakaf saham dan wakaf musytarak. Elemen wakaf musytarak membolehkan para pekerja JCorp untuk menerima pengagihan manfaat selain masyarakat umum. Pelbagai pihak di Malaysia malah di peringkat antarabangsa juga mula menyedari dan memperakui potensi waqaf korporat. Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) misalnya telah mula menawarkan kemudahan yang menggunakan konsep waqaf korporat iaitu Sahabat Korporat. Namun begitu, wujud perbezaan ketara yang membawa kepada keunikan waqaf korporat oleh JCorp. Keunikan tersebut terletak pada harta yang diwakafkan iaitu saham sebagai penjana utama waqaf korporat, sistem pengurusan harta wakaf, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan program-program dakwah/ mengimarahkan masjid.

Usaha dan keyakinan JCorp untuk bertindak sebagai pewakaf adalah seiring dengan keperluan kerajaan wajar dihargai dan disokong. Pelaksanaan waqaf korporat dijangka mengurangkan kesan negatif sistem kapitalis seterusnya membawa kepada sistem ekonomi mengikut acuan Islam. Selain itu, pelaksanaan waqaf korporat oleh JCorp adalah memenuhi tanggungjawab sosial korporat Islam (ICSR) menerusi program-program kebajikan yang termasuk dalam pengagihan manfaat wakaf. Sebenarnya, tanpa kita sedari waqaf korporat ini turut membantu ke arah pertumbuhan ekonomi dan pengagihan saksama dalam masyarakat malah menyahut cabaran Wawasan 2020 dari sudut sosial dan ekonomi. Cabaran tersebut ialah mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi di antara satu sama lain. Matlamat yang diharapkan iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh akan terbentuk. Cabaran kedua adalah memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Kesannya, terbentuk masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama dengan wujudnya perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi.

Memproduktivitikan Harta Wakaf: Waqaf Korporat Suatu Inovasi

Pewakafan saham merupakan perubahan baru kepada bentuk pengaplikasian wakaf sejajar dengan peredaran zaman. JCorp merupakan perintis kepada konsep ini apabila bertindak melepaskan sebahagian harta yang dimiliki iaitu saham. Menurut kepada sudut bahasa, saham berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *sahama* bermakna bahagian manakala dari sudut istilah pula membawa pelbagai makna misalnya jika merujuk kepada Kamus Dewan membawa maksud bahagian dalam modal sesuatu perniagaan. Mengikut Kamus Pelaburan saham juga dikenali sebagai syer yang bermaksud sekuriti yang mewakili pemilikan dalam sesuatu syarikat. Buku Glosari Pasaran Modal dan Glosari Pasaran Modal Islam pula, saham ialah unit kepentingan pemilikan dalam sekuriti ekuiti.

Saham merupakan pelengkap kepada hasrat JCorp sebagai pewakaf yang membawa ke arah merealisasikan wawasan sebagai Institusi Korporat Amanah. Ab Rahman Ismail dalam kajiannya

bersetuju dengan pandangan Dr. Wahbah al- Zuhayli mengenai keharusan hukum berurusan dengan saham. Antara pendapat beliau adalah merujuk kepada nas- nas Al- Quran yang menggalakkan umat Islam melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan perniagaan saham adalah suatu perniagaan yang sudah menjadi kelaziman pada masa kini. Beliau juga mencadangkan umat Islam melibatkan diri dalam pelaburan saham kerana atas faktor keuntungan yang lumayan, lubuk emas dan kekayaan korporat yang mampu menjana pembangunan umat. Kewujudan bursa saham merupakan faktor penggalak perniagaan ini. Bursa saham di Malaysia dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad yang antaranya berfungsi sebagai tempat pengumpul dana atau modal bagi membolehkan sesebuah syarikat yang tersenarai mengembangkan aktiviti perniagaan.

Pemulaan penglibatan JCorp dalam urusan wakaf bermula pada 17 Januari 1992 menerusi pewakafan tapak Masjid An- Nur Plaza Kotaraya Johor Bahru dengan kos pembinaan RM500 000. Masjid ini merupakan masjid pertama di Malaysia yang dibina dalam sebuah pusat beli belah. Melihat kepada kemajuan tersebut, JCorp meneruskan lagi usaha dengan pewakafan lot ruang niaga dengan mendirikan Klinik Waqaf An- Nur Kotaraya di Lot 85 sehingga 87 bersebelahan dengan masjid tersebut. Operasi projek penyediaan perkhidmatan kesihatan ini bermula pada 1 November 1998. Para pesakit tidak mengira pegangan agama mahupun bangsa berpeluang mendapatkan nasihat dan rawatan kesihatan daripada doktor pakar beserta ubat- ubatan dengan bayaran RM 5 seorang. Selain itu, caj perkhidmatan dialisis sekadar RM 90 sekali rawatan turut disediakan bagi pesakit buah pinggang. Baki daripada kos sebenar di bawah tanggungan seperti Dana Waqaf An- Nur, Baitul Mal dan NGO.

Tuntutan kepada keperluan semasa telah membawa kepada penjenamaan wakaf daripada wakaf tradisional diinovasikan menjadi waqaf saham. Pada 11 Julai 2005, Tiram Travel Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat JCorp bertindak mewakafkan sejumlah saham milik syarikat sebanyak 75 peratus bersamaan dengan 225 000 unit saham iaitu bernilai RM260 568 pada nilai aset bersih (NAB). Kemuncak kepada pelaksanaan waqaf korporat adalah pada tanggal 3 Ogos 2006 apabila keseluruhan nilai aset bersih saham yang diwakafkan adalah sebanyak RM200 juta daripada tiga buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu syarikat Kulim (Malaysia) Berhad dengan nilai saham sebanyak RM 142 juta (NAB) pada 12.35 juta unit saham, KPJ Healthcare pula mewakafkan sebanyak 18.60 juta unit saham bernilai RM45 juta (NAB). Manakala, sebanyak 4.32 juta unit saham pada nilai RM13 juta (NAB) dalam Johor Land berhad diwakafkan. Pada 10 Oktober 2007, JCorp telah menambah nilai harta wakaf sebanyak 75 000 unit saham yang bernilai RM7 500 (NAB) dalam syarikat Capaian Aspirasi Sdn Bhd diwakafkan dan diikuti pula syarikat TPM Management Sdn Bhd yang turut mewakafkan sebahagian saham pada kadar 50 325 000 unit saham bernilai RM50 juta (NAB). Waqaf korporat buat pertama kalinya diistibadikan pada 29 Jun 2009 disebabkan oleh pengeluaran Johor Land Berhad daripada senarai Bursa Malaysia. Unit- unit saham tersebut digantikan dengan unit saham dalam Al- 'Aqar REIT yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Keputusan JCorp mewakafkan sebahagian saham anak syarikat adalah keputusan yang proaktif demi kelangsungan pemilikan harta milik Muslim pada masa hadapan. Hal ini mendapat sokongan daripada pihak penyelidikan Islam di Universiti Al- Azhar, Mesir yang telah mengeluarkan fatwa keharusan berwakaf dengan saham sebagai harta wakaf menerusi surat permintaan fatwa pada 9 November 2005 oleh Dato' Haji Noh Gadut selaku mufti kerajaan negeri Johor. Keputusan Persidangan Penyelidikan Islam pada 24 November 2005 adalah merujuk kepada pandangan sesetengah mazhab seperti mazhab Malikiyah dan seterusnya pandangan ulama kontemporari dalam syariah Islamiah. Mereka berpendapat bahawa harus untuk mewakafkan bahagian tertentu dan saham syarikat daripada harta *mustaghillah* yang diharuskan syarak. Hal tersebut tertakluk kepada syarat bahawa segala urusan saham dan keuntungan adalah bertepatan dengan syarat wakaf yang telah dikemukakan oleh syarak iaitu mesti selaras dengan kaedah yang telah dipersetujui oleh ulama keatasnya.

Waqaf korporat ini bukan sekadar memperuntukan sumbangan manfaat kepada program atau golongan sasaran seperti lazimnya kerana WANCorp turut merangka strategi bagi mengoptimalkan penggunaan harta wakaf seterusnya memaksimumkan nilai manfaat bagi jangka masa panjang. Tindakan tersebut dikenali sebagai proses produktiviti waqaf korporat yang merujuk kepada penjanaaan kembali manfaat wakaf. Menerusi proses itu, manfaat harta wakaf tidak hanya tertumpu kepada satu peringkat sahaja kerana penggunaan manfaat daripada peringkat pertama diharap membantu penerima khususnya dan ekonomi negara amnya bertambah baik pada peringkat kedua. Walaupun tidak semua program agihan manfaat waqaf korporat dapat dijana kembali, namun dari sudut ekonomi, penerima manfaat wakaf dapat keluar daripada zon kemiskinan dan diharap turut sama terlibat sebagai pewakaf.

Merujuk kepada carta aliran 1, konsep produktiviti di sini dilihat pada manfaat harta wakaf sebagai input yang terdiri daripada dividen tahunan bagi saham di enam anak syarikat JCorp, menerusi sumbangan di atas penyertaan keahlian WANCorp yang dikenali sebagai wakaf tunai dan dividen pelaburan semula pada bahagian 70 peratus. Keseluruhan manfaat ini dikumpulkan dan diagihkan

kepada tiga kumpulan dengan peratus agihan yang berlainan selari dengan hujah wakaf yang dipersetujui iaitu 70 peratus, 25 peratus dan 5 peratus. Pengagihan manfaat harta wakaf sebagai proses pengeluaran manakala output ialah program- program kebajikan dan ICSR antaranya seperti bantuan pembiayaan modal kepada Waqaf Dana Niaga dan Mutawwif Profesional, sumbangan kewangan kepada Briged Waqaf, masjid An- Nur dan hospital dan rangkaian Klinik Waqaf An- Nur.

Penjana kembali manfaat wakaf bermaksud wakaf yang diagihkan pada peringkat pertama menerusi pelaburan semula dan bantuan kewangan diperoleh kembali pada peringkat kedua dalam jangka masa tertentu. Merujuk kepada hujah wakaf, 70 peratus daripada dividen tahunan saham diserahkan kembali kepada JCorp untuk dilaburkan semula dan program pembangunan insan. Pelaburan dibuat pada dua bahagian iaitu simpanan tetap di institusi kewangan yang berlandaskan syariah dan pembelian saham dana Johor yang pada akhirnya menghasilkan dividen pelaburan tahunan. Walaupun, pelaburan dibuat oleh JCorp namun hasil keuntungan pelaburan adalah dikhaskan kepada WANCorp selaku pemegang amanah yang dilantik. Kemudian, agihan sebanyak 25 peratus ini dibahagikan lagi kepada 55 peratus untuk kebajikan dan amal, 35 peratus untuk projek khas dan 10 peratus lagi dikhaskan untuk pembangunan insan selain modal keusahawanan dan pendidikan. Pada masa yang sama, kemudahan kesihatan dan dialisis yang disediakan turut menyumbang kepada penjana kembali manfaat menerusi caj perkhidmatan yang diberikan. Caj yang dikenakan bukan bermatlamatkan keuntungan tetapi sebagai usaha menggalakkan pesakit untuk sama- sama terlibat dalam urusan wakaf secara tidak langsung. Pada peringkat seterusnya, penerimaan dividen pelaburan, pembayaran balik pinjaman dan caj perkhidmatan keseluruhannya akan dimasukkan kembali ke dalam akaun manfaat harta wakaf pada peringkat pertama tadi. Oleh yang demikian, institusi wakaf perlu berusaha memastikan peningkatan produktiviti sebagai satu proses yang berterusan. Walaubagaimanapun, tumpuan ke atas produktiviti seharusnya diseimbangkan dengan tumpuan ke atas kualiti pengurusan dan pentadbiran bagi memastikan pencapaian objektif asal wakaf. Sebahagian daripada agihan sebanyak 95 peratus ini menghasilkan output yang akan menjana kembali manfaat wakaf untuk masa akan datang. Baki sebanyak 5 peratus diserahkan kepada MAIJ sebagai caj pengurusan (Perkara 4, Kaedah Wakaf 1983).

Peningkatan Sosio- Ekonomi Penerima Wakaf Menerusi Waqaf Korporat

Waqaf korporat bukan hanya melibatkan pengagihan bersama harta kekayaan malah kesan pengaplikasian tersebut menjadi tumpuan penting dalam sumbangan kepada peningkatan sosio-ekonomi masyarakat. Keberkesanan kemudahan bantuan dan pengagihan waqaf korporat yang digandingkan dengan kecekapan penerima wakaf memanfaatkan kemudahan yang disediakan membawa kepada kecemerlangan kesan wakaf. Wakaf diberikan sebagai kemudahan bantuan pembiayaan modal untuk permulaan perniagaan, peningkatan modal perniagaan dan bantuan pembelian peralatan perniagaan selain pembiayaan kewangan kepada Mutawwif Profesional. Bantuan modal diberi bagi menggalakkan perniagaan kecil- kecilan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Menurut Pelan Sektor Kewangan 2011 hingga 2020, pertumbuhan dan pembangunan PKS merupakan enjin pertumbuhan utama ekonomi Malaysia. PKS dan isi rumah merupakan pendorong untuk memudahkan Malaysia menuju ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang wawasan 2020. Pembentukan PKS yang mempunyai ciri- ciri dinamik, inovatif dan berdaya saing menjadikan PKS terletak pada teras ekonomi negara sebaris dengan peranan syarikat multinational dan syarikat utama tempatan.

Seiring dengan saranan kerajaan, WANCorp merangka kemudahan bantuan yang sesuai dengan memberi keutamaan kepada golongan suri rumah dan ibu tunggal selain daripada golongan yang berpendapatan rendah dan usahawan kecil sedia ada mahupun mereka yang berkeinginan untuk berniaga tetapi tiada peluang sebagai pihak penerima wakaf. Nilai bantuan maksimum yang ditawarkan adalah sebanyak RM 3000 manakala had minimum pula ialah RM 500. Sebelum kelulusan permohonan diberi, pihak WANCorp menghantar pegawai bagi menyelidik latar belakang pemohon dan perniagaan yang dijalankan. Apabila permohonan diluluskan, para peminjam diberi pelan pembayaran balik secara ansuran yang tidak membebankan. Tempoh maksimum pembayaran balik adalah selama 24 bulan dengan bergantung kepada jumlah pinjaman dan keupayaan peniaga. Menerusi bantuan modal, bimbingan dan pemantauan perkembangan perniagaan melalui Sahabat Niaga dan Ikhwan Muamalat diharapkan masalah sosial masyarakat kesan daripada kemiskinan dapat dikurangkan seterusnya meningkatkan tahap ekonomi mereka. Galakkan ini disebabkan oleh kesukaran yang dihadapi dalam usaha untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan daripada pihak bank. Mereka bukan sahaja memperoleh pembiayaan malah turut mendapat bimbingan dan pemantauan daripada pihak WANCorp. Oleh itu, apabila perniagaan semakin maju dan kukuh, dijangka jumlah pewakaf meningkat seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan sistem ekonomi Islam dapat dipraktikkan.

Kemudahan bantuan skim pembiayaan mikro berbentuk *qardul hassan* adalah sejajar dengan konsep pembiayaan yang ditekankan oleh Islam iaitu membantu golongan yang memerlukan. Golongan yang mempunyai lebih membantu golongan yang memerlukan tanpa mengambil kesempatan di atas kesukaran yang dihadapi. Kemudahan pembiayaan ini dibahagi kepada dua iaitu Dana Waqaf Niaga (WDN) dan Program Mutawwif Profesional. Skim WDN merupakan pinjaman tanpa faedah dan tanpa jaminan dengan harapan perniagaan tersebut berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa. WDN yang dilaksanakan pada 5 Mei 2007 ini menggunakan prinsip 'joran untuk belajar dan pandai mengail sendiri' turut berperanan sebagai sistem sokongan kepada usaha kerajaan. Sikap optimis institusi dengan berharap kepada Allah dalam keadaan tulus ikhlas telah mendidik jiwa Muslim agar redha degan kepada memahami ketetapan Allah dan menerima dengan perasaan hati yang terbuka (Lutpi Mustafa el- Batnani 2007). Hasilnya, kecemerlangan perniagaan yang dicapai oleh peminjam pasti membawa kepada peningkatan nilai agama dalam pasaran hidup setiap anggota masyarakat. WANCorp turut memberi peluang kepada bakal mutawwif untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membantu mereka menanggung kos praktikal untuk bergelar mutawwif profesional. Selain daripada kemudahan tersebut, penerima wakaf turut terdiri daripada para pesakit yang mendapatkan rawatan kesihatan dan dialisis, anak-anak yatim di rumah anak yatim Darul Hannan, mangsa bencana alam termasuklah mereka yang terlibat dalam program-program ICSR anjuran pihak JCorp.

Pemilikan dan Perkembangan Ekuiti Muslim Menerusi Waqaf Korporat

Perjanjian persetujuan menerusi *sighah* diantara pihak MAIJ sebagai pemegang amanah tunggal iaitu Nazir Am dan JCorp sebagai pemegang amanah khas yang dikenali sebagai Nazir Khas. Penyerahan tanggungjawab ini adalah disebabkan oleh kepakaran yang dimiliki oleh pihak JCorp dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran harta wakaf. Nazir Khas perlu mematuhi peraturan-peraturan yang disyaratkan. Pemantauan MAIJ dibuat oleh ahli lembaga pengarah yang menganggotai WANCorp.

Kesungguhan yang ditunjukkan oleh JCorp ke arah menambahbaik usaha wakaf syarikat yang sedia ada selain daripada tuntutan keperluan sosioekonomi negara sehingga membawa kepada kewujudan waqaf korporat bukan sahaja memberi manfaat berpanjangan kepada pewakaf. Di samping membantu golongan yang memerlukan, waqaf korporat turut berperanan memastikan kepemilikan ekuiti milik Muslim di Malaysia kekal terpelihara. Hal tersebut berpotensi membawa kepada pertambahan dan perkembangan ekuiti sepanjang masa untuk masalah umum. Perkembangan ekuiti ini antaranya diperoleh menerusi hasil daripada pelaburan sebahagian harta wakaf dalam bentuk saham. Ekuiti yang terlindung atas nama institusi berbentuk amanah ini tidak hanya dimanfaatkan oleh JCorp. JCorp menerusi WANCorp merangka strategi memastikan manfaat ekuiti membantu memenuhi keperluan masyarakat sekitar yang kemudiannya menjana pertumbuhan dan kestabilan ekonomi pada jangka masa panjang. Hal ini menunjukkan bahawa menerusi waqaf korporat aset sedia ada bukan sahaja dilindungi malah turut menjamin masa depan umat Islam yang cemerlang.

Pemilikan ekuiti yang dimaksudkan di sini dilihat pada elemen saham dan sekuriti syarikat. Jika dilihat dari sudut saham, didapati perkembangan nilai saham terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan saham di syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dan kumpulan saham di syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Perbezaan ini membawa kepada dua bentuk perkembangan yang berlainan. Kumpulan saham di syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia telah menunjukkan perkembangan nilai yang sangat positif sejak diwakafkan. Pada 2006 iaitu sewaktu mula diwakafkan nilai saham yang diwakafkan bagi syarikat Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Johor Land Berhad ialah RM 200 juta. Pada 2011 pula, prestasi saham wakaf bagi syarikat-syarikat pada nilai aset bersih tersebut meningkat kepada RM 363.36 juta. Manakala, bagi kumpulan saham di syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia pula ialah RM 50.27 juta ketika diwakafkan dan meningkat menjadi RM 62.60 juta. Nilai keseluruhan saham yang diwakaf pada tahun 2011 ialah RM 425.96 juta.

Wakaf An- Nur Corporation sebagai Institusi Wakaf Produktif

Waqaf An- Nur Corporation Berhad mula beroperasi pada 25 Oktober 2000 dengan nama Pengurusan Klinik Waqaf An-Nur Berhad. Penubuhan ini pada awalnya bertujuan menguruskan rangkaian klinik Waqaf An- Nur dan pusat dialisis yang diuruskan oleh KPJ Healthcare Berhad. Walaubagaimanapun, syarikat ini ditukar nama kepada Kumpulan Waqaf An- Nur Berhad pada 19 Julai 2005 dan ditukar nama sekali lagi pada 21 Mei 2009 kepada Waqaf An- Nur Corporation Berhad dan digunapakai sehingga sekarang. Pertukaran nama disebabkan oleh peluasan peranan pengurusan dan pentadbiran sesuai dengan Jihad Bisnes sebagai visi JCorp. Peranan utama WANCorp dalam waqaf korporat adalah

sebagai pengurus dan pentadbir harta wakaf daripada JCorp khususnya dan pewakaf- pewakaf lain. Sebagai syarikat pemegang amanah khas, WANCorp bertanggungjawab untuk menguruskan aset dan perniagaan waqaf korporat, sebanyak 25 peratus daripada dividen saham akan diserahkan untuk kegunaan masyarakat menerusi menerusi program dan kemudahan yang direka bentuk. Manfaat harta wakaf dijangka membantu meningkatkan ekonomi golongan berpendapatan rendah dan mewujudkan peluang pekerjaan dengan harapan ekonomi orang Muslim khususnya di Malaysia dapat berkembang maju dan menjadi ikutan. Kecemerlangan waqaf korporat secara tidak langsung membuktikan kecemerlangan WANCorp sebagai sebuah institusi wakaf yang produktif.

Pengukuran tahap produktiviti ini dilihat menerusi sejauhmana dana wakaf yang diterima diagihkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan seterusnya mampu menambahbaik keadaan ekonomi sedia ada. Produktiviti yang terhasil dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya adalah gaya pengurusan yang diamalkan oleh WANCorp dan JCorp itu sendiri selari dengan objektif penubuhannya. Objektif penubuhan WANCorp terdiri daripada pengurusan dan pentadbiran yang memberi penekanan kepada nilai- nilai Islam, merancang dan menyelaras pelbagai aktiviti keagamaan serta berperanan sebagai sekretariat jawatankuasa masjid dan juga menyelaraskan pengurusan masjid tersebut. WANCorp juga menjalankan penyelidikan menggunakan pendekatan kontemporari seterusnya mencadangkan pelaksanaan projek yang bersesuaian dengan visi JCorp dan berusaha untuk menjadi pusat rujukan dalam hal berkaitan pengurusan perniagaan secara Islam khususnya. Objektif yang dirangka secara tidak langsung memberi kesedaran kepada para kakitangan tentang konsep khalifah dengan pengamalan ajaran Islam secara keseluruhan walaupun dalam pekerjaan. Faktor- faktor ini akhirnya akan membawa kepada produktiviti institusi wakaf untuk meningkatkan keberkesanan dan kelestarian manfaat waqaf korporat kepada pihak penerima manfaat untuk membela nasib masyarakat secara keseluruhannya tanpa diskriminasi pegangan agama mahupun kaum.

Pada masa yang sama, keunikan sistem pengurusan harta wakaf di JCorp yang tersendiri turut menyokong strategi produktiviti institusi. Keunikan ini melibatkan kaedah pengurusan waqaf korporat yang dipelopori oleh JCorp adalah berbeza dengan wakaf yang dikendalikan oleh institusi- institusi wakaf sedia ada (Hj. Abd Shakor Borham 2013). Menerusi pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan sistematik, institusi wakaf mampu membantu membangunkan ekonomi ummah (Mohd Saharudin bin Shakrani et al. 2003). Amalan pengurusan ini merupakan faktor penentu kepada kecemerlangan pencapaian objektif agihan wakaf. JCorp berpegang kepada prinsip harta wakaf iaitu wajar dan wajib untuk mengembangkan harta wakaf malah perlu ditambah nilai dari semasa ke semasa supaya kelangsungan manfaat harta wakaf dapat dikekalkan. JCorp mempunyai daya keyakinan yang tinggi untuk berjaya menerusi strategi- strategi yang dirangka walaupun harta- harta wakaf dan pelaburan tidak mempunyai sebarang jaminan (Laporan Tahunan JCorp 2011). Risiko tersebut dikawal menerusi sistem pengurusan yang dijana oleh golongan professional yang beramanah, pemantauan audit luar dan dalam syarikat, mesyuarat agung tahunan selain perlindungan dari segi perundangan di bawah Akta Syarikat itu sendiri. Hal tersebut juga merupakan elemen yang menjamin ketelusan dan amanah pengurusan waqaf korporat. Sistem pengurusan harta wakaf korporat JCorp terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, segala urusan berkaitan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf dikawal selia oleh WANCorp menggunakan teknik pengurusan terkini. WANCorp bertanggungjawab untuk melaksanakan konsep waqaf korporat JCorp secara tersusun dan sistematik. Kedua, urusan pelaburan unit- unit saham yang diwakafkan tertakluk kepada unit korporat di bawah pentadbiran JCorp itu sendiri. Unit tersebut memberi tumpuan dalam hal pelaburan saham- saham bagi memastikan pengembangan harta- harta wakaf semaksima mungkin. Pembahagian ini selari dengan saranan agama supaya menyerahkan sesuatu hal kepada yang ahli iaitu pihak yang mempunyai kepakaran. Semakin berkembang saham- saham tersebut, semakin meningkat jumlah penerimaan dividen untuk proses pengagihan manfaat seterusnya membantu meningkatkan pencapaian ekonomi negara. Strategi elemen perniagaan ini telah memaksimumkan keupayaan waqaf korporat bagi merealisasikan matlamat yang disasarkan pada awal penubuhan. Sistem pengurusan kewangan yang baik mampu memandu ke arah kemajuan seterusnya memperoleh kejayaan yang cepat dalam sesuatu bidang perniagaan (Lutpi Mustafa el - Batnani 2007).

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat didapati waqaf korporat sangat berpotensi memastikan kepemilikan ekuiti Muslim di Malaysia terpelihara dan berkembang. Selain itu, telah wujud kesedaran berhubung dengan keupayaan waqaf korporat terhadap pembangunan ekonomi umat seterusnya menjadi sektor ketiga sebagai pelengkap program pembangunan kerajaan. Keadaan ini membawa kepada penjimatan perbelanjaan kerajaan, pinjaman pihak kerajaan dan juga cukai. Kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada pihak lain untuk mempraktikkan waqaf korporat sebagai sumbangan syarikat kepada

masyarakat. Walaubagaimanapun, disebabkan oleh halangan perundangan, pelaksanaan waqaf korporat terbatas hanya di JCorp. Hal ehwal berkaitan agama Islam tertakluk kepada undang-undang agama Islam kerajaan negeri masing-masing. Halangan kedua ialah pelaksanaan *istibdal* wakaf secara tidak langsung mengganggu visi asal pembentukan waqaf korporat. Oleh itu, dicadangkan supaya JCorp menubuhkan satu unit kajian dan penyelidikan. Unit ini dapat membantu menjelaskan hal berkaitan waqaf korporat kemudiannya bersama-sama berkongsi idea pelaksanaan dengan pihak lain. Objektif utama penubuhan unit ini adalah bagi memastikan keaslian amalan wakaf menurut undang-undang syariah tetap terpelihara walaupun elemen pelaburan dan perniagaan dipraktikkan. Pencapaian yang besar ini hanya akan diperolehi melalui penelitian yang mendalam, strategik, dan sistematik.

Rujukan

Artikel:

- Shakrani, M.S, Noor, M.S.Z & Ali, J. (2003). Tinjauan yang membataskan penggunaan wakaf dalam pembangunan ekonomi ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 73-98.
- Ahmad, H.Z. (2007). Cabaran dalam mempertingkatkan potensi pembangunan tanah wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(1).
- Muhamad Don, M.A. (2011). Waqaf korporat oleh Johor Corporation Berhad: Amalan dan beberapa isu pelaksanaan. *Academic Journal UiTM Johor*, 10, 229- 242.
- Laporan Tahunan Waqaf An- Nur Corporation Berhad 2006
- Laporan Tahunan Waqaf An- Nur Corporation Berhad 2007
- Laporan Tahunan Waqaf An- Nur Corporation Berhad 2008
- Laporan Tahunan Waqaf An- Nur Corporation Berhad 2009
- Laporan Tahunan Waqaf An- Nur Corporation Berhad 2010
- Laporan Tahunan Waqaf An- Nur Corporation Berhad 2011

Buku :

- Lutpi Mustafa el- Batnani. (2009). Bursa Saham Untuk Pelaburan Hari Akhirat. *Perniagaan Jahabersa*.
- Adib Bisri Musthofa. (1999). Terjemahan Shahih Muslim Jilid 3. Penerbit Victory Agency. Kuala Lumpur 1999. 181-182

Media Elektronik:

- Fardhu Kifayah Dalam Konteks Pembangunan Negara. Capaian pada 21 Februari 2013, daripada <http://www.islam.gov.my>
- Menggerak Potensi, Memperkasa Ekonomi Ummah. Capaian pada 1 Mac 2013, daripada <http://ummatanwasatan.net/2009>
- Wawasan 2020. Capaian pada 12 April 2013, daripada <http://www.moe.gov.my/bppk/pdf/penerbitan>
- Abu Abdullah Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. Kitab : Musnad Imam Ahmad Bin Hanbal. Hadis No: 12080, hlm 135, Juzuk: 19. Cetakan Pertama Tahun 2001. Muassasah Ar-Risalah, Damascus, Syria

Majalah:

- Majalah Milenia Muslim, (2008). Dalam artikel Memartabatkan Sosioekonomi Umat Sejahtera Menerusi Sistem Wakaf. Thn 7, Bil 75


Kertas persidangan:

- Ismail, C.Z. (2005). Konsep amalan wakaf menurut Islam. Pembentangan kertas kajian di Kolokium baitulmal dan wakaf pada 18 Januari 2005 di Universiti Teknologi Mara Malaysia.
- Ramli, A. H. (2005). Pengurusan wakaf di Malaysia: Cabaran dan masa depan. Pembentangan kertas kajian di Kolokium baitulmal dan wakaf pada 18 Januari 2005 di Universiti Teknologi Mara Malaysia.
- Sulaiman, K. (2005). Isu- isu dal pelaksanaan wakaf di negara- negara Islam. Pembentangan kertas kajian di Kolokium baitulmal dan wakaf pada 18 Januari 2005 di Universiti Teknologi Mara Malaysia.

- Paiman, A.N et al. (2006). Sumbangan wakaf terhadap usaha pembangunan masyarakat setempat: Kajian kes sumbangan klinik Waqaf An- Nur. Pembentangan kertas kajian di Prosiding Islam dan Pembangunan Masyarakat pada 13 dan 14 April 2006 di
- Ahmad, S.&Muhammed, N.D. (2011). Institusi wakaf dan pembangunan ekonomi negara: kes pembangunan tanah wakaf di Malaysia. Pembentangan kertas kajian di Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM 2011) pada 5- 7 Jun 2011 di Hotel Everly Resort, Melaka.
- Borham, A.S. (2011). Pelaksanaan pembangunan waqaf korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu Tinjauan. Pembentangan kertas kajian di Seminar Kemanusiaan Antarabangsa 2011.
- Borham, A.S. (2013). Pelaksanaan waqaf korporat di Malaysia oleh Johor Corporation: Satu dapatan Awal. Pembentangan kertas kajian di Seminar Penyelidikan Kewangan dan Kehartaan Islam pada 19 dan 20 Februari 2013 di Balai Ilmu, Akademi Pengajian Tinggi Islam, Universiti Malaya.
- Ibrahim, D. &Ibrahim, H. (2013). Revitalization of islamic trust institutions through coeporate waqf. Pembentangan kertas kajian di Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Ekonomi dan Perniagaan pada 4 dan 5 Mac 2013 di *Golden Flower Hotel*, Bandung, Indonesia.

Tesis:

- Sazura Bohari (2004). Saham wakaf Johor: tinjauan dari sudut pelaksanaan dan permasalahannya. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ab Rahman Ismail (2007). Aplikasi Kaedah *Fiqh Ma La Yudrak Kulluh La YutrakJulluh* Dalam Mengklasifikasikan Saham- Saham Patuh Syariah Di Bursa Saham. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia



RAJAH 1: Proses Produktiviti Waqaf Korporat

Syarikat	Peratus pegangan saham yang diwakafkan	Unit saham 3/8/2006 (Juta Unit)	Nilai aset bersih 3/8/2006 (RM Juta)	Nilai pasaran (RM Juta) 3/8/2006	Harga pasaran saham tersiar harga (RM Juta) 31/12/2007	Harga pasaran saham tersiar harga (RM Juta) 31/12/2008	Harga pasaran saham tersiar harga (RM Juta) 31/12/2009	Harga pasaran saham tersiar harga (RM Juta) 31/12/2010	Harga pasaran saham tersiar harga (RM Juta) 31/12/2011
Kulim (M) Berhad	4.16%	12,347,826	142	51.61	98.16	56.55	93.23	157.31	208.43
KPJ Healthcare Berhad	8.95%	18,595,041	45	34.03	64.34	47.42	121.05	69.17	218.49
Johor Land Berhad	0.36%	4,318,937	13	4.41	5.53	3.04	Saham JLand telah diistibdalkan.		
Al-Aqar KPI REIT (bermula pada 2009)	0.36%	7,184,724	13	Pewakafan belum dilakukan			12.34	14.14	14.51
Jumlah tahunan (aset wakaf)			200	90.05	168.03	107.01	226.62	240.62	441.43
Jumlah tahunan (harga pasaran)				105,458,578	169,294,900	108,238,802	232,206,676	373,407,963	487,759,345

JADUAL 1: Prestasi Saham Bagi Syarikat Tersenarai Di Bursa Malaysia

Syarikat	Peratus pegangan saham yang diwakafkan	Unit saham yang diwakafkan (Juta Unit)	Nilai aset bersih (RM Juta)	Nilai aset bersih (RM Juta) 3/8/2006	Nilai aset bersih (RM Juta) 31/12/2007	Nilai aset bersih (RM Juta) 31/12/2008	Nilai aset bersih (RM Juta) 31/12/2009	Nilai aset bersih (RM Juta) 31/12/2010	Nilai aset bersih (RM Juta) 31/12/2011
Tiram Travel Sdn Bhd	75%	225,000	260,568	389,250	1.03	0.75	1.26	1.77	1.75
Capaian Aspirasi Sdn Bhd	75%	75,000	7,500	Pewakafan belum dilakukan	0.03	0.07	0.16	0.33	0.45
TPM Management Sdn Bhd	61%	50,325,000	50,325,000		50.00	52.34	54.85	57.87	60.39
Jumlah tahunan (aset wakaf)			50.27	389,250	51.06	53.16	56.27	59.97	62.54

JADUAL 2: Prestasi Saham Bagi Syarikat Tidak Tersenarai Di Bursa Malaysia